

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1987/88

PLG 392 - Kaedah Mengajar Sains Paduan

Tarikh: 3 November 1987

Masa: 2.15 petang - 4.15 petang
(2 jam)

Jawab soalan Nombor SATU dan pilih mana-mana DUA soalan yang lain.

1. (a) Apakah berbezaan di antara satu rancangan sains paduan dan satu rancangan sains am?
- (b) Terangkan dengan secara ringkas dua pendekatan integrasi yang terdapat dalam organisasi sains paduan.
- (c) Huraikan dengan secara ringkas dua strategi penyusunan kerja anali dalam pengajaran sains paduan.
- (d) Bincangkan mengapa pendekatan inkuiri (inquiry) dititikberatkan dalam pengajaran sains paduan.

(40 markah)

2. Dengan merujuk kepada rasional dan objektif-objektif sains paduan dan rancangan sains baru, Kurikulum Baru Sekolah Menengah (draf 1987). Huraikan penekanan kedua-dua rancangan sains yang tersebut di atas dari segi:

- (a) pendekatan pengajaran dan
- (b) isikandungan

(30 markah)

...2/-

3. (a) Apakah prinsip-prinsip kegunaan kertas latihan (work sheet) dalam pengajaran sains paduan?
- (b) Huraikan bagaimana kertas latihan dapat digunakan supaya objektif-objektifnya dapat dicapai dengan sempurna.

(30 markah)

4. (a) Mengikut pendapat kebanyakan pendidik sains, pengajaran sains paduan di Malaysia tidak mencapai tujuan dan objektifnya dengan penuh. Huraikan lima alasan utama yang dipercayai telah mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sains paduan di sekolah-sekolah kita.

(30 markah)

ooo000ooo